

14 AUG 1996

Dewan-Bubar '''

DEWAN UNDANGAN NEGERI SARAWAK MUNGKIN DIBUBAR ESOK?

KUCHING, 14 Ogos (Bernama) -- Dewan Undangan Negeri Sarawak mungkin dibubar esok bagi membolehkan pilihan raya negeri diadakan, demikian menurut sumber-sumber di sini malam ini.

Ketua Menteri Tan Sri Abdul Taib Mahmud dipercayai akan mengumumkan pembubaran itu pada satu persidangan berita di pejabatnya di Bangunan Bapa Malaysia di Petra Jaya.

Menurut sumber-sumber, Abdul Taib sudah menemui Yang Dipertua Negeri Tun Ahmad Zaidi Adruce Muhammad Noor beberapa hari lepas untuk mendapatkan persetujuan bagi pembubaran itu.

Jika dewan dibubar esok, Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) kemungkinan menetapkan hari penamaan calon pada awal September dengan pengundian dijalankan dalam masa 10 hari kemudian.

Ramai yang menyangka Abdul Taib akan membubarkan dewan minggu lepas sempena lawatan rasmi tiga hari Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Sarawak.

Namun Ketua Menteri dan Dr Mahathir sendiri membayangkan yang pembubaran dewan tidak diadakan dalam waktu yang terdekat ini.

Abdul Taib semasa ditemui pada 9 Ogos selepas menghantar Perdana Menteri pulang telah berkata yang beliau akan hanya mengumumkan pembubaran itu selepas Dr Mahathir balik dari lawatan ke China yang bermula 24 Ogos ini.

Pilihan raya ini ialah untuk merebut 62 kerusi, enam daripadanya kawasan baru berikutan persempadanan semula kawasan pilihan raya.

Enam kerusi baru itu ialah Samariang, Kedup, Nangka, Jepak, Senadin dan Ba Kalalan.

Barisan Nasional menguasai semua 56 kerusi sekarang dengan Parti Bumiputera Bersatu Sarawak (PBB) mempunyai 27 wakil, Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP) 16, Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS) tujuh dan Parti Kebangsaan Sarawak (SNAP) enam. -- BERNAMA

MT OPP MAI